



ASPIRASI

"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

KPF KEKAL DI TEMPAT PERTAMA, KOPERASI TERBAIK MALAYSIA

Oleh: Mohd Fikrie Azlan
Foto: Izzat Baharun & Amir Khalid

KPF membuktikan kemampuannya untuk terus relevan dalam gerakan koperasi negara dengan mengekalkan kedudukan tempat pertama dalam penyenaraian profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia bagi tahun 2023.



Datuk Ewon Benedict (dua kanan) menyampaikan replika cek berjumlah RM15,000 kepada wakil KPF, Sulong Jamil Mohamed Shariff (kanan) dan Zaffary Ab Rashid (kiri).

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Datuk Ewon Benedict semasa penyempurnaan Majlis Peluncuran Dasar Koperasi Malaysia 2023 di Hotel Tenera, Bangi pada 12 Oktober 2023.

Hadir bersama menerima anugerah adalah anggota Lembaga, Sulong Jamil Mohamed Shariff dan Pengarah Eksekutif Pelaburan dan Perniagaan, Zaffary Ab Rashid.



Datuk Ewon Benedict (tengah) bersama Zaffary Ab Rashid (kanan) dan Khairul Hazry Maharani (kiri).

SOKONGAN PENUH WARGA KPF, SOLUSI MASA KINI

Oleh: Mohd Fikrie Azlan
Foto: Izzat Baharun



Gimik pelancaran platform digital MaiKliq yang disempurnakan oleh Raja Faridah (lima dari kanan).

"Mendepani cabaran semasa, seluruh warga KPF khususnya petugas dan anggota koperasi hendaklah menyokong produk dan perkhidmatan milik Kumpulan KPF seperti pembiayaan, langganan takaful insurans dan memilih Ar-Rahn KPF untuk berurusniaga emas."



Demikian amanat daripada ucaptama Pengerusi, Raja Faridah Raja Ahmad semasa berlangsungnya Majlis Perhimpunan Petugas Kumpulan KPF.



Beliau turut mengucapkan syabas atas penerimaan Anugerah Kategori Sektor Perladangan 2023 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sempena Hari Koperasi Negara pada 30 Julai yang lalu.

"Kejayaan ini membuktikan kemampuan KPF dalam gerakan koperasi negara dan tidak akan dicapai tanpa sokongan daripada seluruh warga KPF dan Kumpulan, khususnya anggota koperasi yang-

terus memberikan kepercayaan dengan mengekalkan simpanan pelaburannya," tambahnya lagi.

Majlis tersebut diteruskan dengan pembentangan prestasi suku tahun ketiga oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Sakinah Salleh dan pelancaran platform digital MaiKliq daripada Bahagian Insurans KPF Niaga.

Aplikasi MaiKliq membolehkan penggunaannya memanfaatkan perkhidmatan berkaitan insurans yang ditawarkan oleh KPF Niaga.

Turut hadir, Setiausaha Razuwan Che Rose, Bendahari Hasrin Ismail dan wakil anggota Lembaga, Dato' Muhammad Rizal Abdul Rahim.



HMP MUDAHKAN URUSAN ANGGOTA

Oleh: Mohd Fikrie Azlan

Foto: Yusri Yusof



Azmeer Zamani (kelabu), petugas Jabatan Operasi & Keanggotaan sedang membantu anggota dengan memberi penerangan berkaitan urusan pindah milik.

Hari Mesra Pelanggan (HMP) adalah inisiatif KPF dalam memperkasa penyampaian maklumat secara berkesan dan memberi ruang kepada anggota untuk bersemuka bagi menyelesaikan urusan keanggotaan.

Program ini telah dijalankan sejak beberapa tahun yang lepas dan menerima respon yang baik daripada anggota KPF.

Antara urusan yang boleh diselesaikan melalui program ini adalah mengemas kini maklumat penama dan akaun bank, pendaftaran anggota baharu dan pindah milik syer anggota meninggal bagi anggota yang mempunyai dokumen yang lengkap.

Baru-baru ini, HMP telah diadakan di Felda Tenang, Johor bersama dengan kursus kepada anggota anjuran KPF bersama Institut Koperasi Malaysia (IKMa).



KEPIMPINAN JADI PILIHAN WARGA FELDA TENANG

Oleh: Mohd Fikrie Azlan

Foto: Yusri Yusof



Gambar berkumpulan peserta kursus dan wakil penganjur daripada KPF dan IKMa.

Kursus berkaitan kepimpinan menjadi pilihan peserta sempena penganjuran program kursus kepada anggota KPF di Felda Tenang, Johor.

Inisiatif KPF dalam memberikan nilai tambah kepada anggotanya dengan pemberdayaan melalui ilmu dan memperkasakan modal insan. Peserta kursus didedahkan dengan daya kepimpinan dan aktiviti berkumpulan yang berfokus kepada komunikasi kepimpinan yang berkesan.



Pengarah Pusat Perundingan Koperasi Institut Koperasi Malaysia, Roziah Mohamed selaku penganjur bersama program ini berkata, "penglibatan anggota secara aktif dalam program seumpama ini akan memberdayakan anggota dan juga meningkatkan peranan anggota dalam memajukan KPF atau apa juar peranan mereka dalam sesebuah organisasi."

Siri kedua kursus ini melibatkan anggota KPF dengan kerjasama penubuhan dalam FELDA seperti Gerakan Persatuan Wanita (GPW), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR), Majlis Belia FELDA, koperasi-koperasi FELDA dan pejabat rancangan.

Beliau menyasarkan program yang serupa di siri ketiga sebelum tahun 2023 melabuhkan tirainya dan berharap agar anggota memanfaatkan peluang keemasan ini.

Turut hadir bersama Pengurus Rancangan Felda Tenang, Nor Azmi Ithnin, Ketua Peneroka Felda Tenang, Zaaba Mohamed dan Pegawai Komunikasi Korporat KPF, Mohd Fikrie Azlan yang mewakili Pengurusan Kanan.





Transaksi tanpa tunai akan memudahkan pelanggan yang melakukan urusniaga.

CASHLESS MULA DIPERKENAL DI TIGA CAWANGAN AR RAHNU

Oleh: Mohd Fikrie Azlan
Foto: Yusri Yusof

Ar-Rahnu memperkenalkan sistem tanpa tunai (cashless) bagi memudahkan pelanggannya melakukan sebarang transaksi urusniaga dengan lebih cepat dan selamat.

Sebagai langkah permulaan, pelaksanaan sistem cashless ini boleh didapati di tiga buah cawangan terpilih iaitu di Bangi, Selangor dan

Kuala Terengganu, Terengganu serta Senawang, Negeri Sembilan. Pelaksanaan transaksi tanpa tunai sepenuhnya dijangka pada tahun 2024.

WARGA PALONG 7 MERIAHKAN PROGRAM HMP

Pengurusan Rancangan Felda Palong 7 menjemput KPF untuk mengadakan program Hari Mesra Pelanggan bagi menyelesaikan urusan keanggotaan dan memberi penerangan, disambut baik oleh warga setempat.

Oleh: Mohd Fikrie Azlan
Foto: Amirul Asyraf Amir



Program kali ini dihebatkan lagi dengan promosi pembiayaan kepada anggota yang berminat dan layak. Produk pembiayaan utama iaitu tunai-i dan peribadi-i ditawarkan kepada semua anggota KPF sehingga RM5,000 dan RM200,000 dengan bayaran bulanan tetap.

Selain itu, kursus kepada anggota anjuran bersama KPF dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) turut diadakan khusus untuk anggota di Felda Palong 7 dan sekitarnya.



PENGUSAHA PERNIAGAAN PALONG 7 TINGKATKAN PENGETAHUAN KEUSAHAWANAN

Oleh: Mohd Fikrie Azlan
Foto: Mohd Faizal Sulaiman



Gambar berkumpulan peserta kursus dan wakil pengajur daripada KPF dan IKMa.

KPF dengan kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) mengadakan kursus keusahawanan kepada warga Palong 7 yang mempunyai perniagaan kecil-kecilan.

Kursus siri ketiga bagi tahun 2023 ini telah memilih tajuk pemasaran atas talian bagi meningkatkan pengetahuan peserta untuk meningkatkan jualan dan mengukuhkan perniagaan.

